

18. DASAR MENGENAI KEMAJUAN TANAH-TANAH UNTUK RUMAH-RUMAH JENIS PELAN TETAP

- (i) Sekiranya lebih daripada dua permohonan diterima serentak untuk pembinaan rumah-rumah Jenis Pelan Tetap di atas lot yang sama, Jabatan Bangunan patutlah lebih berhati-hati dan bertegas supaya satu masuklualan yang sah, jalan-jalan dan parit-parit yang sempurna dan satu susunan yang sempurna disediakan.
- (ii) Jikalau timbul keraguan, Jabatan Bangunan patutlah menemuramah pemohon-pemohon yang berkenaan itu dan sekiranya Jabatan itu berpuashati bahawa pemohon-pemohon itu merupakan pemunya-pemunya individu dan bukan pembeli-pembeli rumah dalam sesebuah rancangan perumahan, maka sedikit kelonggaran bolehlah diberi.
- (iii) Permohonan-permohonan untuk tidak lebih daripada 2 buah rumah Jenis Pelan Tetap atau rumah-rumah separuh kekal yang berikutnya akan dikecualikan daripada kehendak-kehendak di perenggan (i) di atas sekiranya tempoh yang memisahkan permohonan itu lebih daripada 6 bulan.
- (iv) Dasar ini hanyalah terpakai kepada permohonan-permohonan yang dikemukakan selepas 22.11.79.

(Diluluskan pada 22-11.80)